

## **PERTANDINGAN K2K IDOL MENJEMPUT ORANG RAMAI MERAIKAN SILATURAHIM DAN BAKAT MUZIK WARGA PERUMAHAN AWAM**

**KUALA LUMPUR, 10 OGOS 2024** – Orang ramai dijemput untuk meraikan 10 finalis berkarisma daripada 10 kawasan perumahan awam di Lembah Klang yang akan bersaing untuk menjadi juara di pertandingan nyanyian K2K Idol, Sabtu, 17 Ogos 2024 di Pusat Komersial Komuniti Bandar Tun Razak. Majlis akan disempurnakan oleh YB Dato' Seri Dr Wan Azizah Dr Wan Ismail, Ahli Parlimen Bandar Tun Razak dan mantan Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

Diterajui oleh Think City dan Persatuan Karyawan Malaysia di bawah Program Kita-untuk-Kita (K2K), sebuah inisiatif Belanjawan Negara oleh Kementerian Kewangan Malaysia, pertandingan K2K Idol ini dianjurkan khas untuk warga perumahan awam. Matlamatnya adalah untuk mengeratkan silaturahmi dan semangat kekitaan melalui seni dan muzik, sambil mencungkil bakat-bakat muzik baharu dalam kalangan komuniti perumahan awam.

Pertandingan ini dimulakan pada peringkat perumahan awam, di mana 100 daripada 817 peserta yang dipilih melalui sesi uji bakat dan telah diberi latihan vokal serta pementoran daripada 10 artis terkemuka seperti Andy (Flop Poppy), Dato' Ito (Blues Gang), Ezlynn, Haiza Hanafi, Lan Solo, Mawi, Noorshila Amin, Yusni Hamid, Zur Eda dan Allahyarham Jay Jay (digantikan dengan Radhi Khaled). 10 finalis utama telah dipilih daripada 100 peserta melalui pertandingan akhir pada peringkat perumahan awam.

Pengarah Urusan Think City, Dato' Hamdan Abdul Majeed, berkata, "K2K dibentuk untuk memperkasa pembangunan sosial dan kapasiti warga perumahawan awam dalam menangani cabaran daya huni. Perpaduan komuniti menjadi asas penting dalam mencapai kesejahteraan dan kelestarian perumahan awam. Program ini bukan sahaja bertujuan menyatukan komuniti perumahan awam, tetapi juga menyediakan platform untuk **mengasah bakat, memperkukuh jati diri, dan memupuk semangat kebersamaan** dalam suasana kompetitif yang positif, dan bermasyarakat."

"Saya teruja melihat hasil daripada program ini apabila ahli-ahli perumahan awam datang bersama, saling berkenalan dan melibatkan diri secara aktif, sekaligus meningkatkan **keyakinan diri** dan **semangat kekitaan** melalui pertandingan menyanyi K2K Idol," tambah beliau.

Acara kemuncak K2K Idol pada 17 Ogos ini, yang turut disokong oleh MyCreative Ventures, akan menampilkan 10 finalis terbaik yang dikenalpasti untuk merebut gelaran juara K2K Idol dan membawa pulang hadiah wang tunai utama berjumlah RM10,000 beserta trofi, manakala naib juara dan pemenang tempat ketiga juga akan membawa pulang ganjaran tunai serta hadiah-hadiah lain untuk pemenang sagu hati. Selain itu, acara kemuncak ini juga menjanjikan persembahan menarik dan penuh aksi daripada artis-artis tanah air selaku mentor kepada peserta.



Sebagai organisasi yang menumpukan kepada industri seni dan budaya, Persatuan Karyawan Malaysia telah menggerakkan pertandingan ini dengan menyediakan sesi uji bakat serta memfasilitasikan latihan kepada para peserta. YBhg. Datuk Freddie Fernandez, Presiden Persatuan Karyawan Malaysia, berkata, "K2K Idol adalah peluang luar biasa mencari bakat baru dalam kalangan penduduk perumahan awam yang berpotensi memberi impak besar kepada industri seni dan budaya negara. Mentor-mentor kami komited untuk membimbing peserta dalam industri muzik."

Duta K2K Idol, Aman RA berkata, "Sebagai anak yang dibesarkan oleh ibu tunggal di perumahan awam, pengalaman hidup menjadi inspirasi untuk lagu saya yang menceritakan perjuangan dan keazaman mengatasi kemiskinan. Melalui K2K Idol, saya berharap anak-anak muda di kawasan perumahan awamakan mengejar Impian dan kejayaan melalui kerja keras dan ketabahan, azam dan semangat tidak berputus asa."

Ahli-ahli perumahan awam di Lembah Klang dan Selangor dijemput hadir untuk turut serta dan tiket bagi acara final ini juga disediakan buat semua rakyat Malaysia yang berminat untuk bersama-sama menyokong 10 finalis utama yang bakal berentap dan merebut gelaran Juara K2K Idol. Sebarang pertanyaan atau pembelian tiket masuk boleh dibuat melalui talian +6013-9413839.

Program K2K yang disokong oleh Kementerian Kewangan Malaysia bermatlamat untuk meningkatkan kedaya hunian serta taraf kualiti hidup di 10 kawasan perumahan awam di Lembah Klang, memberi tumpuan kepada pemerikasaan komuniti perumahan awam untuk menjadi penggerak transformasi persekitaran mereka sekali gus menyumbang kepada pembentukan masyarakat Malaysia Madani.

**-TAMAT-**

### **Mengenai Think City**

Think City adalah sebuah organisasi berimpak tinggi yang telah ditubuhkan pada tahun 2009. Ianya bertujuan menghasilkan pelestarian bandar yang lebih saksama demi faedah semua. Kemahiran, ilmu dan strategi Think City tertumpu kepada penyelesaian perbandaran, alam sekitar, komuniti sosial dan ekonomi budaya. Think City ialah anak syarikat milik penuh Khazanah Nasional Berhad. Untuk maklumat lanjut, sila layari [thinkcity.com.my](http://thinkcity.com.my).

### **Mengenai Program Kita-untuk-Kita (K2K)**

Program K2K bertujuan memperkasa komuniti dan meningkatkan daya huni masyarakat yang tinggal di perumahan awam. Melalui dana dari Kementerian Kewangan dan pelaksanaan oleh Think City, K2K adalah pelaburan pembangunan sosial yang meningkatkan keupayaan transformasi komuniti dan pengurusan perumahan awam. Ini membantu menangani isu-isu sosial, ekonomi, dan fizikal yang dihadapi oleh penduduk perumahan tersebut. Dengan semangat kekitaan yang kuat, warga perumahan awam dapat merangka inisiatif baru dan melaksanakan tindakan proaktif untuk menjana transformasi komuniti selaras dengan konsep masyarakat Malaysia Madani.



Diedarkan oleh bzBee Consult bagi pihak

**Think City Sdn Bhd**

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Afiqah Suhaidah – + 6018 765 3658; [suhaidah@bzbee.com.my](mailto:suhaidah@bzbee.com.my)

Ainul Haron – + 6019 664 1717; [ainul@bzbee.com.my](mailto:ainul@bzbee.com.my)

